

K • A • P • S • U • L PENGUNA



EDISI 2 2022 | MAC-APRIL | DITERBITKAN 30 APRIL 2022

f t i y KPDNHEP



M/S 2:

**SSM SAMBUT
ULANG TAHUN KE-20**

M/S 7:

**AWAS! TAKTIK SCAMMER
MALAYSIA SEMAKIN KREATIF**

M/S 12:

**KPDNHEP SENTIASA
PANTAU HARGA JUALAN
BARANG**

**Jualan
#KELUARGA
MALAYSIA**



OPS Pantau Elak Peniaga Ambil Kesempatan Menjelang Aidilfitri



PUTRAJAYA, APRIL 2022– Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mempertingkatkan penguatkuasaan pada bulan Ramadan dan menjelang Hari Raya Aidil Fitri Tahun 2021 menerusi OPS PANTAU yang bertujuan memastikan rakyat berada dalam suasana yang selesa dan mudah mendapatkan bekalan makanan dan keperluan harian pada harga yang berpatutan semasa Ramadan dan Hari Aidil Fitri.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dato Sri Alexander Nanta Linggi, melancarkan Ops ini bertempat di tapak Bazar Ramadan, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Turut hadir semasa sesi pelancaran ini, Timbalan Menteri KPDNHEP, Dato' Haji Rosol Wahid, Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP (Pendayaupayaan Pengguna), Mohamed Zahari Razali dan Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam.

OPS PANTAU dilaksanakan secara seragam dan berfokus di seluruh Negara dengan lokasi tumpuan seperti bazar ramadan, bazar hari raya, pasar awam, pasar basah, hypermarket, supermarket, mini market dan kedai runcit. Pemeriksaan di bawah OPS PANTAU adalah berkaitan bekalan, harga, jualan murah, penjualan barang tiruan, Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) dan pematuan SOP PKP di bawah Akta 342 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Selain itu, membuat pemeriksaan dan pemantauan secara lebih kerap dan bersasar ke atas premis perniagaan khususnya di Bazar Ramadan, Bazar Aidil Fitri dan lain-lain premis supaya tidak ada penjualan barang tiruan disamping membuat pemeriksaan dan pemantauan secara lebih efektif dan berkala ke atas premis-premis di bawah sector peruncitan dan pengedaran untuk memastikan pematuan ke atas SOP Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).

PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA (PJKM) TELAH MENJANGKAU 100% KAWASAN PARLIMEN

PUTRAJAYA, MAC 2022 –Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang telah dilancarkan secara rasminya oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia pada 2 Disember 2021 lalu kini telah menjangkau 100 peratus kawasan parlimen di seluruh Malaysia.

Sehingga 25 Mac 2022, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebagai penyelia program ini telah melaksanakan PJKM di **semua 222 kawasan parlimen termasuk parlimen pembangkang dengan jumlah program melebihi 1,274 lokasi** meliputi Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan.

Seramai **2,017 juta pengunjung** telah membanjiri PJKM yang disokong oleh **202 rakan strategik** yang terdiri dari agensi kerajaan dan pemain industri sektor peruncitan dengan **rekod jualan mencecah RM38.099 juta**.

PJKM merupakan salah satu usaha kerajaan yang telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan serta diakui sendiri oleh rakyat Malaysia yang mengunjungi PJKM bahawa barang-barang yang ditawarkan sehingga 20% lebih murah daripada harga pasaran setempat yang dapat membantu meringankan bebanan kos sara hidup dalam situasi yang mencabar sekarang ini.

KPDNHEP menggalakkan rakyat di parlimen-parlimen berkenaan untuk merebut peluang untuk berjimat dalam pembelian barang keperluan rumah yang ditawarkan di PJKM seperti Ayam, Makanan laut, Sayur- Sayuran, Minyak Masak, Gula, Tepung, Beras dan lain-lain keperluan rumah.

Seramai 2,200 Pegawai Penguat Kuasa dan 1,000 Pegawai Pemantau Harga KPDNHEP akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan di seluruh negara bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan tiada elemen pencatutan terhadap barangan dalam pasaran.



SSM SAMBUT ULANGTAHUN KE-20



KUALA LUMPUR, APRIL 2022 – Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menyambut ulangtahun yang ke-20 pada 15 April 2022 tahun ini sejak ditubuhkan pada 16 April 2002. Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Nor Azimah Abdul Aziz berkata sambutan ulang tahun itu membawa tema “SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan” bagi memperingati evolusi serta perjalanan dan pencapaian SSM sepanjang tempoh 20 tahun.

Kemuncak sambutan ulang tahun ke-20 SSM adalah pelancaran satu penerbitan khas berjudul “SSM Dua Dekad : Inspirasi Kepercayaan Perniagaan” bagi mendokumentasi semua pencapaian SSM sepanjang tempoh 20 tahun ini.

SSM yang mula beroperasi pada 16 April 2002, merupakan badan berkanun yang terbentuk daripada penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB).

Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM melaksanakan fungsinya mengawal selia pematuan perundangan korporat dan pendaftaran perniagaan melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif.

SSM juga turut menguatkuasakan beberapa akta, antaranya Akta Suruhanjaya Malaysia 2001, Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949 dan Akta Kumpulan Wang Kutu 1971.

Pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Mohd Yusof sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang baharu berkuatkuasa pada 15 April diumumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM Ke-20.

SIAPA SEBENAR NIKMATI BARANGAN BERSUBSIDI?

Oleh: Wai Tee (Penulis bebas)



Bila kerajaan arahkan supaya ayam standard dijual pada harga RM8.90 sekilogram, sedar atau tidak, sebenarnya kerajaan terpaksa memperuntukkan berjuta ringgit subsidi kepada penternak ayam dan telur. Jika tidak, tidak mungkin penternak akan setuju kerana kos operasi ladang telah meningkat akibat kenaikan harga jagung, soya, vitamin, ubat-ubatan dan tenaga kerja.

Kerajaan selalunya mengeluarkan kos berbillion ringgit untuk mencapai beberapa tujuan strategik melalui subsidi. Subsidi tidak semuanya dalam bentuk tunai atau barangan kepada rakyat. Apapun bentuknya, subsidi itu adalah kos dan beban kewangan yang semakin meninggi kepada kerajaan.

Ada subsidi baja yang disasarkan untuk petani. Ada subsidi diesel untuk nelayan. Dan ada juga subsidi yang diberikan kepada pengeluar untuk mengawal harga peringkat pengguna seperti harga petrol, minyak masak, ayam dan telur.

Tanpa subsidi daripada kerajaan, harga sesuatu barangan akan lebih tinggi daripada harga pasaran. Ayam dan telur adalah salah satu contoh yang telah diberikan. Dahulu subsidi untuk minyak masak sawit tulin memerlukan sekitar RM400 juta setahun untuk ia dijual pada harga RM2.50 sekilogram.

Kini apabila minyak sawit mentah telah mencecah lebih daripada RM5,000 per tan metrik, kerajaan terpaksa memperuntukkan lebih daripada RM3 billion setahun bila kerajaan tentukan harga maksimum bagi minyak masak sawit tulin kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg. Itu baru minyak masak. Belum lagi Petrol RON95 dan diesel yang harga silingnya telah ditentukan oleh kerajaan pada RM2.05 dan RM2.15 seliter sejak Ogos 2020. Dan harga itu adalah ketika minyak mentah di pasaran dunia adalah USD55 setong.

Kini subsidi RON95 dan diesel pasti mencanak bila harga minyak mentah telah mencecah USD110 setong. Kita andaikan subsidi RON95 adalah RM0.50 seliter ketika harga minyak di paras USD55 setong.

Penggunaan RON95 rakyat Malaysia dilaporkan sebanyak 14.4 billion liter setahun. Untuk memudahkan pengiraan, jika RM1 adalah subsidi untuk setiap liter RON95, bermakna jumlah subsidi yang ditanggung kerajaan untuk petrol RON95 sahaja adalah RM14.4 bilion setahun.

Belum lagi diesel, minyak masak, gas LPG 14kg, tepung kegunaan am, gula, ayam dan telur. Tetapi persoalannya, apakah subsidi itu benar-benar sampai dan dinikmati oleh golongan yang disasarkan? Lebih malang, ramai rakyat tidak menghargai malah memperlekaehkan subsidi yang diberikan. Apalagi kalau ia disalahgunakan?

Media pernah melaporkan tentang penyelewengan subsidi diesel kepada nelayan dan subsidi baja kepada petani. Subsidi yang menelan belanja berbilion ringgit setahun itu tidak menghasilkan hasil tanaman dan tangkapan ikan yang diharapkan.

Malah ada nelayan dan petani yang ditangkap kerana menjual diesel kepada nelayan asing dan ada petani yang menjual baja kepada tauke-tauke besar. Kenapa? Pasti kerana hendak cepat mendapat keuntungan dan malas hendak berusaha di laut atau di bendang. Ini bukan omongan kosong, tetapi realiti yang berlaku dalam masyarakat kita.

Satu lagi masalah besar yang dihadapi kerajaan ialah subsidi tidak dinikmati sepenuhnya oleh golongan sasaran. Ini dilema sejak dulu. Kita ambil contoh penggunaan RON95 yang tidak terbuka kepada semua pengguna. Bermakna kerajaan memberi subsidi RM1 setiap liter petrol RON95 yang masuk ke tangki kenderaan.

Golongan sasaran B40 selalunya menggunakan motorsikal dan mungkin kereta kompak Kancil, Axia, Myvi, Saga atau Pesona kalau mereka memiliki kereta. Yang memiliki motor akan mengisi 5 liter setiap minggu dan 20 liter setiap bulan. Subsidi RON95 yang dinikmati sekitar RM20 subsidi sebulan. Yang memiliki kereta pula akan mengisi penuh 35 liter setiap dua minggu atau 70 liter sebulan. Bermakna golongan ini menikmati RM70 subsidi sebulan.

Oleh kerana harga RON97 telah meningkat tinggi, golongan T20 juga ramai yang telah beralih ke RON95 kecuali untuk perjalanan jarak jauh. Mereka biasanya mempunyai kenderaan mewah dan bersaiz besar, selalunya memerlukan 70 liter setiap 10 hari dan 210 liter sebulan untuk berulang alik ke tempat kerja.

Golongan T20 sebenarnya lebih menikmati subsidi sekitar RM210 sebulan, jauh lebih tinggi dari golongan B40 yang menikmati antara RM20 hingga RM70 sebulan. Bermakna subsidi tidak tersalur kepada golongan yang disasarkan.

Begitu juga dengan minyak masak bersubsidi polibeg. Yang lebih banyak menikmati subsidi minyak masak adalah golongan penjaja kecil, peniaga kedai makan dan restoran. Golongan ini selalunya membeli dalam kuantiti yang banyak menyebabkan bekalan di satu-satu tempat kehabisan.

Itu sebabnya kenapa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenakan had pembelian 3kg (3 bungkus) setiap seorang walaupun undang-undang ini mudah diingkari. Gas LPG 14kg yang harganya dikawal pada RM26.60 (tanpa caj penghantaran) untuk kegunaan isi rumah juga dengarnya lebih banyak dinikmati oleh peniaga kedai makan, restoran dan kedai dobi layan diri.

Ini belum dihitung penggunaan barang bersubsidi oleh warga asing yang berjumlah lebih 3 juta di negara ini. Warga asing boleh membeli minyak masak, LPG, RON95, diesel, tepung dan gula sewenang-wenangnya tanpa had. Tidak hairanlah Malaysia adalah syurga buat mereka.

Subsidi bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama golongan berpendapatan rendah. Tetapi subsidi yang disalurkan untuk mengurangkan harga sesuatu barangan terbukti tidak mencapai sasarannya.

Seharusnya rakyat bersyukur dengan penyaluran subsidi dalam pelbagai bentuk ini. Pada masa yang sama, kerajaan harus memikirkan semula untuk mengurangkan ketirisan dalam pelaksanaan subsidi menerusi harga barangan terkawal seperti minyak masak, LPG dan RON95 benar-benar sampai ke golongan sasaran di kalangan rakyat dan di masa yang sama tidak membebani fiskal kerajaan.

Dengan meluasnya adaptasi e-wallet di kalangan rakyat, sudah tiba masanya subsidi disalurkan terus ke e-wallet golongan sasaran dalam bentuk tunai di mana pemantauan dapat dibuat terhadap barangan yang dibeli.

Harga barang ketika itu akan dijual mengikut harga pasaran. Penjimatan itu dapat disalurkan kepada projek pembangunan berorientasikan rakyat yang lebih berdaya maju.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Pengguna Bijak

PROGRAM KESEJAHTERAAN RAKYAT
COMMUNITY DRUMMING

KENALI 7 BARANGAN KEPERLUAN ASAS YANG DISUBSIDI KERAJAAN

Beras

Minyak Masak Paket Polibeg 1kg

Gula Pasir

Tepung Gandum Kegunaan Am


Gas Petroleum Cecair (LPG)

Bahan Api Diesel

Petrol RON95

Kerajaan tanggung kos pengangkutan membawa 7 barangan keperluan di atas ke kawasan luar bandar supaya penduduk dapat menikmati barangan tersebut pada harga yang sama dengan di bandar.

@kpdnhep KPDNHEP TV



Pada tahun ini kerajaan memperuntukkan RM680 juta membabitkan program penyeragaman harga, program penstabilan harga minyak masak serta subsidi tepung gandum kegunaan am. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam usaha menambah baik mekanisme penyaluran subsidi dan meneliti alternatif lain untuk mengurangkan ketirisan apabila barangan bersubsidi itu turut dinikmati penduduk negara jiran.

Ikuti temuramah YB Timbalan Menteri KPDNHEP, Dato' Rosol Wahid di Selamat Pagi Malaysia RTM berkaitan dengan topik subsidi, barang kawalan dan penguatkuasaan di TV1, 14 April 2022 (Khamis).

SEBELUM KITA MULAKAN LEBIH LANJUT TOPIK PERBINCANGAN PADA PAGI INI MENGENAI SUBSIDI DAN BARANG KAWALAN, BOLEH DATO' PERJELASKAN ATAU PERINCIKAN APAKAH BARANG KEPERLUAN YANG DIKAWAL KERAJAAN DAN APAKAH BARANGAN YANG DIBERI SUBSIDI OLEH KERAJAAN SERTAKOS YANG TERLIBAT?

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Bahagian Penguat Kuasanya merupakan Kementerian yang bertanggungjawab **untuk memastikan barang kawalan dan barang bersubsidi diuruskan dengan sebaiknya** supaya hasrat dan matlamat dapat dicapai melalui pendekatan penguatkuasaan undang-undang.
2. Sebanyak 12 barangan dikategorikan di bawah barang kawalan berjadual di bawah peruntukan undang-undang Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 (Akta 122) yang mana sebahagiannya merupakan barang bersubsidi.
3. **Barangan kawalan** berjadual termasuklah gula, tepung gandum, minyak masak, baja, kerosin, bar bulat keluli lembut, petrol RON95, diesel, roti, gas petroleum cecair (gas memasak / LPG) simen dan ayam.
4. Manakala tepung gandum, minyak masak (polibeg satu kilogram), Minyak Masak Sawit Tulen Yang Dibungkus Dalam Botol (1kg, 2kg, 3kg & 5kg), gas petroleum cecair (LPG), petrol RON95 dan diesel pula adalah **barang bersubsidi** oleh Kerajaan.
5. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin dalam melindungi keperluan Keluarga Malaysia terutamanya di dalam membendung penularan wabak Covid-19 yang melanda Negara, Kerajaan juga telahewartakan **Kit Ujian Pantas Antigen Covid-19 (Ujian Sendiri) dan pelitup muka** sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 pada tahun lalu bagi memastikan bekalan barangan itu sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi oleh rakyat.

SELAIN BARANGAN YANG DATO' SEBUTKAN TADI, ADAKAH AYAM JUGA KINI TERMASUK DALAM KATEGORI BARANGAN YANG DIKAWAL DAN DIBERI SUBSIDI?

1. Ya, seperti saya nyatakan tadi **ayam adalah antara barang yang dikawal** di bawah peruntukan undang-undang AKB 1961 (Akta 122) bagi memastikan bekalannya sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi selain menstabilkan harga ayam.
2. Apabila sektor ekonomi kembali beroperasi sepenuhnya secara berperingkat sekitar September 2021 yang lalu, kita dapati berlaku lonjakan harga ke atas harga ayam pada ketika itu berikutan permintaan yang tinggi dalam pasaran. Peningkatan dalam permintaan memberikan kesan ke atas penawaran kerana berlaku penyelarasan ke atas harga dan pasaran ayam ketika itu.
3. Bagi menjamin keberadaan dan menstabilkan harga ayam Kementerian telah melaksanakan kawalan ke atas harga ayam ini melalui Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) dan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) selain tindakan penguat kuasa di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 sekiranya ada peniaga yang mengambil kesempatan dengan mengambil keuntungan secara tidak munasabah (mencatut).
4. Apabila Kerajaan menyedari harga ayam perlu terus distabilkan bagi membantu mengurangkan beban pengguna akibat peningkatan kos sara hidup, bermula 5 Februari sehingga 5 Jun 2022 Kerajaan telah melaksanakan **Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam** sebagai langkah intervensi dan bersetuju memberikan subsidi sebanyak 60 sen per kg bagi ayam dan 5 sen bagi sebiji telur ayam semua jenis gred yang menjadikan harga ayam turun kepada RM8.90 daripada RM9.10 ketika pelaksanaan SHMMP dan SHMKM.
 - i. Mengheret penjenayah ke mahkamah tanpa mengenakan kompaun ke atas kesalahan yang dilakukan;
 - ii. Menemaskini akta dan SOP dari semasa ke semasa untuk memastikan penalti ke atas penjenayah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan;
 - iii. Menjalankan siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) dengan membekukan aset alih dan bukan aset alih penjenayah; dan
 - iv. Mempertingkatkan dan memperkukuh jaringan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang mengawal sempadan Negara seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM)


MUTAKHIR INI TERUTAMA SELEPAS PEMBUKAAN SEMPADAN NEGARA PADA 1 APRIL LALU, RAKYAT RANCAK MEMPERKATAKAN MENGENAI ISU KETIRISAN SUBSIDI. MINYAK MASAK PEKET 1KG DAN PETROL RON95 ANTARA YANG DIKATAKAN PALING MENDAPAT PERMINTAAN TINGGI OLEH PENDUDUK NEGARA JIRAN KERANA PERBEZAAN HARGA YANG BEGITU KETARA DENGAN NEGARA MEREKA. SELAIN ITU MINYAK MASAK PEKET 1KG YANG DIKHUSUSKAN UNTUK PENGGUNA ISI RUMAH JUGA DIGUNAKAN SECARA MELUAS OLEH GOLONGAN PENIAGA DAN PENGUSAHA RESTORAN MENYEBABKAN TIMBUL ISU BEKALAN TIDAK CUKUP. BAGAIMANA KEMENTERIAN MENANGANI ISU INI?

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian membanteras ketirisan barang bersubsidi termasuklah :

- Mempergiat pemeriksaan dan pengauditan di setiap peringkat rantai pengedaran barang kawalan/bersubsidi;
- Menjalankan pemeriksaan pematuan lesen dan permit ke atas peniaga-peniaga dan pengusaha restoran;
- Membuat risikan ke atas pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit dengan sasaran terpilih yang disyaki menyeleweng barang kawalan bersubsidi termasuk risikan ke Negara jiran seperti Thailand;
- Menggantung lesen ke atas syarikat yang didapati terbabit melakukan penyelewengan dan penyeludupan;
- Menetapkan had pembelian, contohnya minyak masak polibeg sebanyak tiga (3) paket bagi setiap individu untuk memastikan lebih ramai pengguna isi rumah dapat menikmati subsidi yang diberikan oleh Kerajaan;
- Melarang pengisian minyak petrol RON95 ke atas kenderaan berpendaftaran asing di stesen minyak.

ADA JUGA YANG MENGAITKAN ISU KETIRISAN INI DENGAN KELEMAHAN DARI ASPEK PENGUATKUASAAN. BAGAIMANA DENGAN ANGGAHAN INI ADAKAH IA BENAR?

- Berdasarkan statistik sepanjang lima (5) tahun kebelakangan ini bermula **pada tahun 2018 sehingga Mac 2022 sebanyak 104,803 operasi/pemeriksaan** berkaitan barangan kawalan dan bersubsidi ini telah dijalankan oleh pihak Kementerian. Sepanjang 5 tahun terkini sebanyak **2,357 kes** penyeludupan dan penyelewengan berhubung barang kawalan/bersubsidi berjaya dipatahkan oleh penguatkuasa KPDNHEP dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah **RM 70.40 juta**. Daripada jumlah itu pula, sebanyak **737 kes** melibatkan cubaan penyeludupan di sempadan Negara.
- Dariada statistik-statistik tersebut menunjukkan bahawa anggota penguatkuasa KPDNHEP sentiasa bersiap siaga untuk memastikan ketirisan barang kawalan/bersubsidi dibanteras sepenuhnya sama ada secara bersendirian mahupun kerjasama dengan lain-lain agensi penguatkuasaan.
- Bagi menangani kes penyelewengan dan penyeludupan ini, KPDNHEP melalui Bahagian Penguat Kuasa telah melaksanakan pelbagai operasi khas seperti OPS TITIK (petrol dan diesel), OPS GORENG (minyak masak), OPS INAP (gas memasak), OPS GP (tepung gandum), dan OPS AMPAI (gas memasak). Di bawah tindakan operasi-operasi ini, pemeriksaan yang dijalankan adalah secara berfokus dan menyeluruh ke atas pelbagai rantai pengedaran barangan kawalan dan bersubsidi ini termasuklah di peringkat pengilang, pengedar, pemborong dan peruncit.
- Selain itu, KPDNHEP juga sentiasa mengadakan jaringan kerjasama termasuk operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain yang mengawalselia pintu sempadan Negara seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Pasukan Polis Marin (PPM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
- KPDNHEP akan terus giat dan memparkasakan penguatkuasaan membanteras ketirisan barang kawalan termasuk petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak sama ada secara bersendirian mahupun secara bersepadu dengan lain-lain agensi penguatkuasaan untuk memastikan subsidi dinikmati oleh golongan sasar dan mengekang tanggungan subsidi yang semakin meningkat.



APAKAH KESAN KETIRISAN BARANG KAWALAN BERSUBSIDI INI KEPADA KERAJAAN?

- Sudah tentu subsidi yang telah diperuntukan oleh Kerajaan saban tahun sekiranya diseleweng akan mendatangkan kesan buruk kepada Keluarga Malaysia dan Negara. Sekiranya penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi ini gagal dibendung, rakyat yang sepatutnya menikmati subsidi yang telah diperuntukan Kerajaan ini tidak dapat menikmati sepenuhnya sebaliknya memberikan keuntungan berlipat kali ganda kepada penjenayah yang melakukan aktiviti-aktiviti haram ini malah rakyat asing pula yang lebih menerima manfaat subsidi yang telah diberikan Kerajaan.
- Selain itu, Negara juga akan mengalami kerugian akibat ketirisan dan penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi ini. Setiap tahun Kerajaan telah memperuntukan sejumlah peruntukan yang besar bagi membantu rakyat di dalam menangani peningkatan kos sara hidup dengan memberikan subsidi ke atas barang-barang keperluan asas tertentu seperti petrol, diesel, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG), tepung gandum dan sebagainya yang membolehkan rakyat menikmati barangan tersebut pada harga yang lebih berpatutan selain mudah diperolehi oleh Keluarga Malaysia.
- Sekiranya aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi ini tidak dikawal dengan tegas, ianya akan menyebabkan bekalan terganggu. Gangguan ke atas bekalan barang kawalan dan bersubsidi ini boleh mengakibatkan rakyat sukar untuk mendapatkan bekalan barangan itu dalam pasaran sekaligus akan menimbulkan suasana panik dalam masyarakat yang boleh menyumbang kepada keadaan dan situasi yang lebih buruk dalam konteks bekalan dan harga barang kawalan dan bersubsidi ini yang menjadi keperluan utama kepada Keluarga Malaysia.

PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN PETROL RON95 KEPADA KENDERAAN ASING DI STESEN MINYAK SELURUH NEGARA

PUTRAJAYA, April 2022 - Susulan

pembukaan pintu sempadan Negara pada 1 April 2022, Negara menerima kemasukan kenderaan-kenderaan yang banyak dari pelbagai Negara. Terdapat juga laporan yang diterima daripada orang ramai dan media tentang kenderaan asing mengisi minyak Petrol RON95 khususnya di stesen minyak sempadan Negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato Sri Alexander Nanta Linggi, memaklumkan bahawa dalam membendung perkara ini daripada terus berlaku, Kementerian mempergiatkan penguatkuasaan untuk memastikan semua kenderaan berpendaftaran asing termasuk motosikal tidak dibenarkan untuk mengisi minyak Petrol RON95 di seluruh Negara. Walaubagaimanapun, kenderaan-kenderaan tersebut dibenarkan untuk mengisi minyak RON 97 di stesen-stesen minyak diseluruh Negara.

KPDNHEP telah mengadakan satu menyuarat bersama Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia dan pihak persatuan telah menyatakan sokongan dan komitmen untuk memastikan semua stesen minyak di Malaysia mematuhi perundangan berkaitan larangan penjualan RON 95 diseluruh stesen minyak di

Malaysia.

Kementerian juga telah menggerakkan seramai 2,200 pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP bagi melaksanakan pemeriksaan dan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan di seluruh Negara terhadap mana-mana orang dan pengusaha stesen minyak yang cuba melanggar perundangan berkaitan. Selain itu, pegawai-pegawai penguat kuasa Kementerian akan mengadaptasi pendekatan Ops Samar dengan memakai pakaian preman (tidak memakai pakaian seragam) dalam melaksanakan penguatkuasaan ini.

Mana-mana orang atau pengusaha stesen minyak yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan jika disabitkan boleh **didenda tidak lebih RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta)** manakala **bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta)** bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala **bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta)** manakala bagi **kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta)**.

“**pihak Kementerian akan mengambil tindakan dengan menggantung lesen pengusaha minyak yang terlibat sehingga siasatan selesai dijalankan. Amaran keras juga diberikan kepada semua orang dan pengusaha minyak bahawa kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati bersalah. Tindakan tegas akan di ambil termasuk mendakwa mereka di Mahkamah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961**”

MAJLIS AMANAT YB MENTERI BERSAMA PIHAK INDUSTRI SEMPENA PEWARTAAN PERINTAH PERIHAL DAGANGAN



Putrajaya, 7 April 2022 – Telah berlangsung Majlis Amanat Bersama Pihak Industri Sempena Pewartaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Pelitup Muka Bukan Perubatan dan Peranti Rokok Elektronik 2022 oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa berusaha dalam mengkaji dan membangunkan perundangan baharu berkenaan standard keselamatan barangan pengguna. Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Perihal Dagangan 2011.



PROGRAM INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN AKAN JADIKAN PANGKOR SEBAGAI PULAU DIGITAL BEBAS TUNAI

Perak, Mac 2022 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melancarkan Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (**Retail Digitalisation Initiative – ReDI**) di Pulau Pangkor, Perak.

ReDI di negeri Perak merupakan kesinambungan usaha KPDNHEP bersama Kerajaan Negeri, Bank Negara Malaysia (BNM) dan rakan strategik daripada penyedia *e-wallet* iaitu Maybank, Touch n Go, GrabPay, Paynett, Boost dan ShopeePay. Ini bagi menggalakkan pemain industri sektor peruncitan sentiasa seiringan dengan perkembangan digitalisasi terutama teknologi transaksi pembayaran secara digital serta memastikan setiap transaksi dilaksanakan dalam keadaan selamat samada dari segi kesihatan (norma baharu) dan proses kewangannya.

Majlis yang disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memaklumkan bahawa ini adalah sebahagian daripada rangka kerja ReDI yang akan dilaksanakan di seluruh negara.

Pihak Kementerian berpandangan bahawa semua peniaga termasuk mikro dan kecil perlu

dibantu dalam dunia digitalisasi perniagaan sekurang-kurangnya melalui penggunaan *e-wallet* dan e-dagang bagi memastikan golongan ini tidak tercicir

Selain itu, bagi menyokong pelaksanaan program ReDI di Pangkor, Kementerian

“**Tumpuan utama Kementerian pada ketika ini adalah keperluan bagi peniaga di peringkat mikro dan kecil supaya mengadaptasi gelombang digitalisasi serta mengguna pakai e-wallet terutamanya di kawasan luar bandar.**”

menerusi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) sedang melaksanakan satu program insentif baru untuk menggalakkan pengguna berbelanja tanpa tunai dalam usaha menjadikan Pangkor sebagai Pulau Digital Tanpa Tunai. Program Insentif Norma Baharu 2022 ini akan melibatkan sumbangan keseluruhan berjumlah RM10 ribu di mana pemberian RM20 kepada 500 orang pengguna boleh ditebus menggunakan aplikasi *e-wallet* terpilih.

Sejajar dengan itu, Pewartaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Pelitup Muka Bukan Perubatan dan Peranti Rokok Elektronik 2022 telah diwartakan pada 5 April 2022 dan berkuatkuasa pada 4 Julai 2022 bagi pelitup muka bukan perubatan dan 3 Ogos 2022 bagi peranti rokok elektronik.

Walaubagaimanapun, mengambil kira maklum balas dari umum, pihak Kementerian akan **menangguhkan penguatkuasaan Pewartaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Pelitup Muka Bukan Perubatan ke 1 Januari 2023.**

Pewartaan ini adalah untuk memastikan pelitup muka bukan perubatan dan peranti rokok elektronik yang dihasilkan dalam negara ataupun diimport mempunyai penandaan MS SIRIM, mematuhi standard dan berkualiti, demi keselamatan pengguna. Pematuhan perintah ini adalah diwajibkan ke atas pengilang dan pengimport bagi kedua-dua produk ini, dengan membuat permohonan perakuan dan penandaan MS SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. selaku Pihak Berkuasa Yang Berwibawa dilantik oleh KPDNHEP.

Pihak Kementerian mengingatkan bahawa tindakan boleh diambil sekiranya berlaku ketidakpatuhan oleh pengilang dan pengimport seperti berikut;

- Syarikat** : didenda tidak melebihi RM 200,000.00. Bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM500,000.00
- Individu (pengeluar/pengimport)** : didenda tidak melebihi RM 100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi selama tempoh 5 tahun atau kedua-duanya sekali. **(yang ni kalau ada infografik yang medsos buat boleh amik)**

Akhir sekali, pewartaan ini merupakan inisiatif Kerajaan atas semangat Keluarga Malaysia bagi menjaga kesejahteraan rakyat dan melindungi kepentingan pengguna. KPDNHEP juga berharap isu lambakan pelitup muka bukan perubatan dan Peranti Rokok Elektronik yang tidak berkualiti dalam pasaran Malaysia akan dapat diatasi dengan pematuhan standard oleh pengilang dan pengimport.

AWAS! TAKTIK SCAMMER MALAYSIA SEMAKIN LICIK



Menjelang Hari Raya juga, pelbagai taktik scammer menjual baju dan mendapatkan enipu dalam talian atau scammer dikesan semakin rancak mengambil kesempatan memperdaya orang ramai khususnya wanita yang kini ghairah membeli pakaian sempena Hari Raya Aidilfitri.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesan kegiatan sindiket penipuan menjual pakaian dan kelengkapan hari raya di media sosial. Berdasarkan statistik sejak 1 Januari hingga 26 April ini, sebanyak 22 kes direkodkan dengan kerugian berjumlah RM19,773. (Sumber Astro Awani)

Apa yang perlu kita lakukan untuk mengelak daripada menjadi mangsa Macau Scam?

- Pertama, jangan panik. Hubungi pihak polis atau institusi kewangan terlibat sebelum anda menuruti segala arahan yang diberikan oleh scammer.
- Jangan dedahkan sebarang maklumat peribadi anda kepada mana-mana individu yang tidak dikenali iaitu nombor kad pengenalan, nombor akaun bank atau nombor kad kredit.
- Jika anda berasa curiga, semak dan hubungi organisasi berkaitan tentang nombor telefon rasmi mereka.
- Dalam kes penculikan, semak sekali lagi lokasi di mana ahli keluarga anda berada sebelum membuat apa-apa transaksi.

Apa yang perlu kita lakukan untuk mengelak daripada menjadi mangsa Scam Parcel?

- Berhati-hati dengan rakan yang anda kenali di Internet terutamanya melalui media sosial. Jangan percaya dengan mudah dan menerima bungkusan sebagai tanda persahabatan.
- Jejak bungkusan anda jika anda telah membuat sebarang pembelian dalam talian baru-baru ini. Perhatikan 'tracking code' untuk mengetahui bila anda akan menerimanya.

Kegiatan scam dan penipuan atas talian kini semakin kreatif dan hinggakan kita hampir percaya bulat-bulat dengan kata-kata dan umpan mereka. Pelbagai cara dan modus operandi digunakan kumpulan tidak bertanggungjawab ini untuk 'memerah' duit anda sehingga kosong.

Jika sebelum ini, sindiket penipuan kewangan berkenaan melakukan penipuan dengan modus operandi menyamar sebagai pegawai kastam, polis, hospital, pegawai mahkamah dan sebagainya.

Selepas taktik itu terbongkar, mereka terus menukar strategi lain untuk terus memerangkap mangsanya yang leka walaupun di kala negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 ketika ini. Bahaya scammer bukan main-main kerana sejak beberapa tahun lalu, kegiatan sindiket yang melakukan penipuan secara dalam talian semakin membimbangkan. Sepanjang lima tahun lalu (2017-2021), sebanyak 98,607 kes penipuan dalam talian dengan kerugian dianggarkan bernilai RM3.3 bilion dilaporkan di seluruh negara.

Walaupun pelbagai kempen dan usaha membanteras kegiatan penipuan itu dilakukan pelbagai pihak, namun, masih ada yang terpedaya dengan pelbagai janji diberikan sindiket hingga menyebabkan kerugian wang yang besar.

keimbangan orang ramai mengenai taktik-taktik baharu yang akan digunakan scammer sebaik kerajaan mengumumkan kebenaran pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM10,000.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berulang kali mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dengan panggilan atau SMS yang diterima daripada pihak tidak dikenali dan mencurigakan.

Sekiranya para pengguna yang dihubungi perlu memberikan Empat (4) perkara ini iaitu:

1) nombor kad pengenalan 2) nombor kad ATM 3) TAC iaitu tiga (3) nombor belakang kad ATM dan 4) butiran peribadi mereka, MCMC menggesa orang awam untuk tidak memberi/mendedah apa-apa Empat (4) maklumat tersebut kepada pihak yang tidak dikenali. Pada masa yang sama, segera laporkan perkara ini kepada pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk perhatian dan tindakan susulan.

Walaupun bagaimanapun, orang ramai bukan sahaja perlu berhati-hati dengan tidak memberikan maklumat peribadi, malah perlu juga berhati-hati setiap kali mendapat message atau whatsapp dari orang yang kita kenali meminta bantuan transfer duit kepada akaun bank penama lain yang kita tidak kenali. Ya! Anda perlu berhati-hati sekiranya penama akaun yang minta ditransfer itu bukan nama rakan yang anda kenali, itulah yang dinamakan Keldai akaun bank, mereka ini menjadi keldai dengan mendapat upah setiap apabila ada transaksi wang yang dimasukkan ke dalam akaun mereka.

- Jangan berkongsi maklumat peribadi tanpa mengesahkan sumbernya. Pastikan individu yang anda berurusan itu adalah sah.
- Jangan sesekali klik pada pautan daripada e-mel yang tidak diminta, terutamanya daripada individu atau syarikat yang anda tidak biasa atau kenali. Berhati-hati apabila anda menerima e-mel seumpama ini. Sila laporkannya sebagai 'spam' jika anda menerimanya.
- Dalam kes aktiviti yang mencurigakan, periksa dengan pihak kastam atau perkhidmatan penghantaran.





Persiapan Hari Raya (Raya Endemik)

Oleh : Ashraf Karid AKPK

Fasa endemik yang bermula pada April 2022 memberikan kegembiraan kepada seluruh umat Islam yang akan meraikan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini. Suasana beraya di kampung bersama sanak saudara yang sekian lama tidak dikunjungi sudah terbayang-bayang dan sememangnya dinanti-nantikan. Semua merindukan nyalaan pelita, percikan bunga api, dan ketawa hilai anak-anak kecil yang sedang bermain bersama-sama. Namun, adakah kita bersedia dari segi kewangan sekiranya kita ingin mengekalkan corak perbelanjaan seperti sebelum berlakunya pandemik? Adakah poket kita cukup 'tebal' untuk menyambut Syawal tahun ini?

Ketika menyambut lebaran, kita ingin dilihat cantik dan bergaya dengan persalinan baju serta kelengkapan rumah yang serba baharu. Kita membayangkan suasana hari raya dengan pelbagai juadah yang terhidang di atas meja dan senyuman yang terukir di wajah sanak saudara tatkala menerima duit raya. Raya dirasakan kurang meriah tanpa semua itu. Benar, kita harus meraikan kejayaan kita menempuh ujian sebulan berpuasa serta menahan gejolak nafsu di dada. Ditambah pula dengan 'dendam' setelah dua tahun kita tidak dapat menyambut hari raya sepuas-puasnya seperti dahulu. Persoalannya, perlukah kita berbelanja berlebihan untuk hari raya? Adakah rasa kesyukuran dan kegembiraan kita itu perlu diterjemahkan dalam bentuk kemewahan? Adakah kita sudah menilai status kewangan sebelum membuat keputusan untuk berbelanja?

Musim perayaan juga sinonim dengan promosi yang menarik daripada peniaga-peniaga seperti potongan harga dan jualan murah yang jelas sukar ditepis oleh kita sebagai pengguna. Namun, adakah kita telah merancang perbelanjaan kita? Adakah barangan yang dijual dengan harga yang murah itu sebenarnya memang diperlukan? Perancangan kewangan sangat penting terutamanya pada musim perayaan untuk mengelakkan kita daripada terlebih berbelanja. Mari kita ubah corak perbelanjaan persiapan raya kita pada tahun ini. Tanya pada diri anda sendiri, "Bagaimana saya boleh berjimat tahun ini?". Berikut ialah beberapa tip dan idea yang boleh dipraktikkan:-

1. Beli Borong

Kebiasaannya, lebih mudah untuk mendapatkan potongan harga jika kita membeli barang di tempat yang sama dalam kuantiti yang banyak.

2. Berkongsi Kereta

Ini boleh menjimatkan duit minyak dan bayaran tol. Malah, ia boleh mengurangkan sedikit kesesakan jalan raya yang menjadi kebiasaan pada musim perayaan.

3. Buat Sendiri

Cungkil bakat terpendam dalam diri anda dengan menjahit sendiri baju raya dan membuat kuih raya tradisi mengikut cara dan selera anda. Jika ada lebih, anda boleh jual kepada jiran tetangga atau di alam maya. Sekaligus, ini boleh menambahkan pendapatan keluarga.

4. Kata 'Nanti Dulu' kepada Barang Kemas dan Perhiasan

Anda boleh membeli barang kemas jika ada bajet lebih. Namun, pastikan pembelian dibuat setelah mengambil kira segala keperluan asas terlebih dahulu, dan elakkan membeli dengan

menggunakan kad kredit.

5. Guna Semula

Cuci dan guna semula barangan seperti langsir, sarung kusyen dan perabot yang sedia ada.

6. Elakkan Pembelian Secara Ansuran

Pembelian secara ansuran dilihat tidak membebaskan. Namun, anda harus ingat bahawa anda perlu membayar ansuran ini walaupun selepas habis musim perayaan. Ini akan mempengaruhi bajet bulanan anda selepas itu. Malah, anda sebenarnya membayar barangan yang dikehendaki dengan harga yang lebih tinggi melalui pembelian secara ansuran. Sebaiknya, bayar penuh secara tunai atau amalkan tip no. 5.

7. Dekorasi Dalam Rumah

Ubah kedudukan perabot anda. Ini boleh menjadikan ruang tamu anda tampil berbeza.

8. Duit Raya

Bersedekah sekadar yang termampu. Ambil kira bilangan sanak saudara dan rakan taulan yang hadir ke rumah anda untuk beraya. Rancang peruntukan untuk setiap tetamu yang bakal hadir.

Anda boleh meraikan Hari Raya Aidilfitri dengan perasaan tenang apabila anda mengawal bajet anda. Pada masa yang sama, sentiasa patuhi SOP COVID-19 bagi mengekang penyebaran virus ketika berkunjung.

AKPK Secara Ringkas

AKPK menyediakan perkhidmatan Pendidikan Kewangan yang boleh dimanfaatkan oleh semua individu isi rumah mahupun Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Perkhidmatan ini boleh diakses dari laman web power.akpk.org.my yang menyediakan pelbagai modul pendidikan kewangan serta laman web ask.akpk.org.my untuk pelbagai bahan pembelajaran kewangan—semuanya tersedia secara dalam talian.

Selain itu, AKPK juga memberikan khidmat nasihat kewangan kepada mereka yang menghadapi masalah dalam bayaran balik pinjaman serta menawarkan bantuan melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) untuk individu, dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) untuk PKS dan perusahaan mikro. Melalui program dan skim ini, AKPK membantu untuk membuat rundingan dengan pihak bank atau pemberi kredit untuk menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman dan merumuskan satu pelan bayaran balik pinjaman/pembiayaan baharu mengikut kemampuan semasa peminjam/pelanggan.

Jika anda memerlukan pelan penyelesaian pengurusan kewangan yang holistik, dapatkan terus daripada AKPK SECARA PERCUMA—TANPA EJEN. Layari services.akpk.org.my untuk mengakses perkhidmatan AKPK dengan menghantar borang dalam talian yang telah dilengkapkan untuk dihubungi oleh penasihat kewangan AKPK.

Semua khidmat nasihat kewangan dan pengurusan kredit kami adalah percuma dan kami tidak pernah melantik ejen atau pihak ketiga untuk berurusan bagi pihak kami. Berhubunglah terus dengan AKPK dan jangan terpedaya dengan panggilan atau tawaran pihak ketiga yang mendakwa sebagai kakitangan AKPK atau menawarkan perkhidmatan dengan bayaran/caj tambahan.

Untuk sebarang maklumat tentang pengurusan kewangan termasuklah panduan dan pautan kepada semua perkhidmatan AKPK, anda juga boleh melayari laman media sosial rasmi AKPK, iaitu @AKPKOfficial di Facebook, Instagram, Twitter dan terbaharu di LinkedIn dan TikTok. #AKPKSahabatKewanganAnda

“PROGRAM BERJIWA RAKYAT YANG TIDAK DISEDARI”

Oleh Wai Tee – wartawan yang mengikuti XPDC.

Kerajaan Malaysia telah lama melaksanakan PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA (PPH) sejak 2009. Kerajaan bersilih ganti, program ini tetap dikekalkan kerana manfaatnya yang besar serta keperluan untuk rakyat di pendalaman.

Ironinya tak ramai yang tahu kewujudan program ini. Maklumlah kita di bandar tak mengalaminya, pasti tak merasa keperitannya. Kalau pun tahu, kita ibarat betapa berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikulnya.

Selain PPH, program ini mudah difahami dengan nama Program 1Har-ga 1Negara (P1H1N) kerana harga barangan tersebut sama dibandar mahupun dipendalaman. Ianya amat dihargai oleh masyarkat yang duduk dipendalaman. Tanpa P1H1N, rakyat di pendalaman terpaksa membayar pada harga yang amat tinggi bagi sesuatu barang keperluan seperti yang mereka lalui pra-2009.

Bayangkan mereka terpaksa membayar LPG 14.4kg pada harga sehingga RM50.00 setong berbanding RM26.60 seperti yang dinikmati oleh rakan mereka di Bandar. Begitu juga dengan petrol, diesel, beras, minyak masak, gula dan tepung.

Semuanya disebabkan oleh kos pengangkutan dari pusat pengedaran di Bandar ke kawasan pendalaman. Ada yang terpaksa menggunakan pacuan 4 roda kerana kondisi jalannya dan ada pula yang menggunakan jalan air melalui bot dan sebagainya. Ada yang mengambil masa 6 jam, ada pula yang mengambil masa 1 hari untuk sampai ke POS (Point of Sales) di pendalaman terutama di Sabah dan Sarawak.

Kalau begitu siapa yang menanggung kos pengangkutan tersebut? Betul! Kerajaan yang membiyai kos pengangkutan yang membolehkan barangan keperluan asas itu di nikmati pada harga yang sama di mana sahaja.

Faktor kejayaan terhadap program ini adalah kolaborasi rapat antara KPDNHEP, Transporter dan POS Jualan di pendalaman. Keupayaan Transporter dari segi aset yang dimiliki serta hubungan mereka dengan operator-operator POS di pendalaman bagi memastikan tiada ketirisan berlaku di mana setiap transaksi pengedaran dan jualan direkod secara terperinci.

Pegawai Kerajaan yang mengendalikan program ini harus didedahkan dengan faktor-faktor yang boleh



menggagalkan program ini. Pegawai Kerajaan tidak boleh hanya menjadi sekadar pegawai di meja (Desk Officer). Mereka harus turun padang mengalami segala ranjau duri dan cabaran terutama yang melibatkan pengedaran bekalan ke kawasan pendalaman.

Baru-baru ini, YBhg. Datuk TKSU Perdagangan Dalam Negeri, Pengarah KPDNHEP Negeri Sarawak, Pengarah Bahagian Harga Barang Negara, Ketua Komunikasi Korporat, Ketua Cawangan Miri dan beberapa orang pegawai penguat kuasa dari Pejabat KPDNHEP Cawangan Miri serta perwakilan dari Kementerian Kerja Raya dan Kastam telah turun padang mengadakan satu misi XPDC P1H1N ke ulu Mulu, pendalaman Miri untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh Transporters dan Operator POS.

Misi XPDC ini adalah untuk mengedar barang-barang keperluan ke dua POS iaitu POS Wan Ajang di Long Panai dan POS Robert di Ulu Mulu dan sekali gus memeriksa proses Pengedaran Barang Perlu (PBP), Community Drumming (CD) dan Penyeragaman Harga (PH) di pendalaman Sarawak.



Keunikan Kawasan ini adalah pengedaran menggunakan jalan sungai ke kawasan pendalaman di persisiran sungai Baram dan Apoh hingga ke pendalaman Mulu.

Sektor pertama bermula dengan jalan darat dari Miri ke pekan Marudi. Dari Marudi Ke POS yang terletak di pinggir Sungai Baram dan Ulu Baram itu menggunakan Bot Besi Panjang 3 meter lebar x 10 meter panjang. Biasanya menggunakan 2 enjin dan 400 liter diesel untuk sampai ke Ulu Baram.

Barang-barang yang hendak diedarkan dalam misi ini termasuk RON95 (RM410.00 per drum 200 liter sebanyak 13 drum bersamaan 2,600 liter), Diesel (RM430.00 per drum sebanyak 13 drum bersamaan 2,600 liter), LPG (RM26.60 per tong sebanyak 84 tong), Minyak Masak (RM2.50 sebungkus 1kg sebanyak 360 kg),



Beras (RM 24.50 @ 10 kg sebanyak 50 paket), Tepung Gandum kegunaan Am (RM 1.35 per kg sebanyak 70 kg) dan Gula (RM 2.85 per kg sebanyak 270 kg)

Sesampai di Marudi, ahli-ahli XPDC telah berkenalan dengan Transporter Hwong Yu Long dan Operator POS Mulu Robert Ipoi. Pemeriksaan dimulakan dengan identifikasi kuota, barang-barang keperluan, dan pemunggahan barang-barang keperluan dianggarkan seberat 8,920 kg ke dalam bot.

Barang-barang tersebut terdiri dari Petrol RON95, Diesel, Minyak Masak, Beras, Tepung gandum, gula pasir dn LPG. Cara pemunggahan yang digunakan boleh dikatakan primitif menggunakan tali dan kudrat kekuatan pekerja-pekerja yang diupah oleh Transporter. Aset seperti bot, drum dan sebagainya merupakan keperluan utama bagi seseorang transporter sebelum mereka boleh dilantik sebagai transporter.

Perjalanan bot berkuasa 2 enjin mengambil masa 4 jam ke Long Panai. Pemunggahan barang-barang dari bot ke Pos dan perjalanan melalui sungai dengan beratus ekor buaya adalah satu kerja yang mencabar. Pegawai KPDNHEP Cawangan Miri kemudian membuat pemeriksaan barang yang dihantar, buku log inventori barang-barang yang terima dan barang yang dijual.

Dua bot digunakan dalam misi ini; satu khusus untuk barang-barang keperluan dan satu lagi bot untuk ahli-ahli XPDC. Kedua-dua bot bergerak serentak menyusuri sungai Baram dari Marudi ke Mulu.

Cuaca baik di permulaan perjalanan dengan air pasang. Orang tua-tua kata air tenang jangan sangka tak ada buaya. Tapi kami hanya nampak seekor buaya dalam perjalanan ini. Selepas 2 jam, tiba-tiba hujan lebat. Bot yang mempunyai bumbung "make-shift" itu tidak dapat melindungi kami dari hujan. Datuk TKSU dan Pengarah Bahagian terpaksa berselubung dengan baju hujan dan canvass di mana yang lain terpaksa berbasah-basahan.

Kemudian bot terpaksa singgah di Kampung Benawa Marudi Baram di persisiran sungai kerana ramai yang perlu 'toilet-break'. Kampung ini unik kerana semua rumah dibina atas tiang tinggi kerana banjir setiap 2 bulan. Mereka juga terpaksa 'harvest' air hujan sebagai bekalan air bersih. Mujur ada Surau untuk memenuhi hajat kami itu.

Kami sampai di POS Long Penai waktu tengahari. Kerja pemunggahan dan pemeriksaan dijalankan meniti titi batang kayu. Perjalanan diteruskan dan kami sampai di POS Robert Ulu Mulu sekitar jam 6 petang ketika cuaca semakin gelap. Total perjalanan dianggarkan sekitar 10 jam di mana kami makan dalam bot dimana cuaca beberapa kali berubah dari panas kepada hujan dan kembali panas. Turut menyertai XPDC ini ialah seorang Krew dari TV3 bagi membuat penggambaran untuk liputan Majalah3 berkenaan Program Penyeragaman Harga.



PENGUATKUASA KPDNHEP 50 TAHUN KOMITED MENJALANKAN AMANAH MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA



PUTRAJAYA, April 2022 - Bukan sahaja mengawal selia bekalan dan harga barang malah melindungi pengguna dan hak harta intelek. Fokus berkenaan sentiasa menjadi keutamaan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam menegakkan undang-undang dan melindungi kepentingan pengguna.

Memasuki ulang tahun ke 50 penubuhannya hari ini, bahagian penguatkuasaan itu terus komited melaksanakan tugas walaupun berhadapan pelbagai isu dan cabaran.

Azman Adam, Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP telah melalui pelbagai bentuk transformasi melalui aspek pendigitalan, pakaian seragam, dan modal insan sepanjang tempoh 5 dekad penubuhannya.

Sempena Sambutan Jubli Emas Hari Penguatkuasa KPDNHEP di Putrajaya, Azman berkata pelbagai kejayaan dan pencapaian diraih sewaktu melakukan aktiviti penguatkuasaan khususnya berkaitan isu pengguna, harga barang serta bekalan.

“Antaranya termasuklah kejayaan membanteras penyelewengan dan penyeludupan barangan kawalan dan bersubsidi di pintu sempadan negara melibatkan nilai rampasan berjumlah RM25.08 juta dan kes berkaitan barang tiruan turut mencatatkan nilai rampasan yang tertinggi iaitu RM70.17 juta untuk tempoh lima tahun lepas.”

TEKNOLOGI PENSTRIMAN DISERBU PENGUAT KUASA KPDNHEP

PUTRAJAYA, April 2022 – Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melakukan serbuan ke atas tiga (3) premis berasingan yang terletak di dalam sebuah pusat membeli-belah di Klang, Selangor yang menjual alat teknologi penstriman (*android box*) pada 11 April 2022.

Menurut Tuan Azman bin Adam, Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, serbuan yang bermula pada jam 12.00 tengah hari dengan kekuatan seramai



15 anggota penguat kuasa KPDNHEP Putrajaya dilakukan hasil daripada maklumat pemilik hak cipta yang berkaitan serta risikan yang telah dilakukan oleh pihak KPDNHEP selama dua minggu.

Hasil pemeriksaan terhadap tiga (3) premis terbabit, pihak KPDNHEP telah merampas sebanyak 25 unit alat teknologi penstriman berserta dokumen yang berkaitan dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM 8,567.00. Selain itu, seramai tiga (3) lelaki warga tempatan telah ditahan untuk siasatan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen 43AA Akta Hak Cipta 1987 iaitu melakukan pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya dengan menjual suatu teknologi penstriman.

Jika disabitkan kesalahan mereka boleh didenda tidak kurang daripada RM 10 000.00 dan tidak melebihi RM 200,000.00 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.

Tambahnya lagi, pihak KPDNHEP telah menambahbaik Akta Hak Cipta 1987 melalui pindaan kepada Akta Hak Cipta (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa mulai 18 Mac 2022 lalu. Ia memberi penekanan dalam usaha membanteras pelanggaran hak cipta secara dalam talian atau cetak rompak digital.

ISU TULAR SOTONG RING SEJUK BEKU YANG DIDAKWA MENGANDUNGI REKTUM BABI

PUTRAJAYA, Mac 2022 - Susulan isu yang tular di media sosial berhubung sotong *ring* sejuk beku yang dikatakan mengandungi rektum babi, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengambil maklum dan menjalankan pemeriksaan.

Menurut Menterinya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi, memaklumkan bahawa Bahagian Penguat Kuasa KPDHEP telah menjalankan pemeriksaan dan siasatan ke atas beberapa premis di peringkat peruncit, pemborong, pengedar dan pengimport produk terbabit di sekitar Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Johor Bharu.

Hasil sisatan mendapati beberapa produk ditemukan dan pihak KPDNHEP telah mengambil tindakan dengan menyita kesemua produk terbabit bersama beberapa dokumen perniagaan lain untuk siasatan lanjut. Sampel produk tersebut juga telah dihantar kepada Jabatan Kimia Malaysia bagi mengenalpasti produk tersebut mengandungi DNA babi atau sebaliknya.

Rentetan itu, Jabatan Kimia telah mengemukakan hasil ujian dan telah mengesahkan bahawa tiada DNA badi dikesan di dalam sampel terbabit.

YB Menteri juga turut menasihatkan pengguna agar berhati-hati di dalam menyebarkan maklumat-maklumat terutama dalam media sosial termasuklah isu berkaitan halal kerana ia boleh mendatangkan kekusaran kepada orang ramai.

KPDNHEP RAMPAS AKSESORI KERETA TIRUAN RM32,410

NEGERI SEMBILAN, April 2022 - Sebuah premis yang menjual aksesori kereta di Taman Desa Cempaka, di sini, dikesan membekalkan pembesar suara (*speaker*) dan subwoofer yang disyaki tiruan dengan menggunakan jenama terkenal.

Dalam serbuan yang dijalankan sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan petang semalam, sebanyak 334 produk tiruan dianggarkan bernilai RM32,410 dirampas.

Pengarah KPDNHEP Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, serbuan berkenaan hasil risikan yang dilakukan pihaknya dan kerjasama dengan wakil cap dagang.

"Semalam, seramai enam anggota penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan menjalankan operasi ke atas sebuah premis membekalkan aksesori kenderaan di Taman Desa Cempaka kerana membekalkan aksesori yang disyaki menyalahgunakan satu cap dagang berdaftar yang terkenal.

Pemeriksaan lanjut di premis berkenaan menemui sebanyak 334 pembesar suara dan subwoofer bagi jenama yang disyaki adalah tiruan. Anggaran nilai rampasan sebanyak RM32,410. Kesemua barangan berkenaan disita mengikut Seksyen 102 (1) Akta Cap Dagangan 2019 bagi tujuan

KPDNHEP SENTIASA PANTAU HARGA JUALAN



Lebih dari 2,000 penguatkuasa KPDNHEP dan lebih 1,000 pegawai akan memantau harga barang seluruh negara melalui Ops Pantau 2022 bagi memastikan pembeli dapat membeli bekalan makanan dan keperluan harian dengan harga yang berpatutan.

Pemantauan di bawah Ops Pantau 2022 memberi tumpuan kepada beberapa bahagian seperti bekalan dan harga barangan, jualan murah, pemberat, penjualan produk tiruan, pelaksanaan skema harga musim perayaan, halal dan mematuhi SOP di bawah Akta.

Ikuti temuramah bersama pengarah penguatkuasa kpdnhep dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia pada 8 April 2022 (Jumaat) di TV1.

Apakah objektif pelaksanaan OPS PANTAU dan bila ianya mula diperkenalkan?

1. KPDNHEP akan mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 menerusi OPS PANTAU 2022. OPS PANTAU 2022 bertujuan bagi memastikan pengguna terutama mereka yang beragama Islam berada dalam keadaan yang selesa dan mudah mendapatkan bekalan makanan serta keperluan harian pada harga yang munasabah semasa bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.
2. OPS PANTAU 2022 merupakan kesinambungan kepada OPS PANTAU yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 selain bertujuan memberi keselesaan kepada pengguna untuk melakukan pembelian barangan keperluan sepanjang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri, ia juga bertujuan memastikan tahap pematuan yang tinggi oleh para peniaga berikutan pembukaan sepenuhnya sektor ekonomi dan pintu sempadan Negara mulai 1 April 2022 yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini.
3. Penguatkuasaan secara konsisten oleh KPDNHEP adalah perlu untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk merancakkan sektor perdagangan domestik khususnya bagi memulihkan semula ekonomi dalam Negara ketika Malaysia sedang beralih kepada Fasa Endemik Covid-19 mulai 1 April 2022.

Apakah lokasi tumpuan utama dan perkara-perkara yang diberi fokus dalam penguatkuasaan OPS PANTAU?

1. Sebagai Kerajaan yang prihatin dan serius bagi memastikan harga barang keperluan asas terutamanya barang makanan dalam keadaan terkawal serta tidak membebankan pembeli khususnya pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri, maka fokus keutamaan OPS PANTAU antaranya adalah :
 - i. Lokasi yang menjadi fokus OPS PANTAU di seluruh Negara adalah Bazar Ramadan, Bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, hypermarket,

supermarket, mini market dan kedai runcit. Lokasi-lokasi ini dirasakan akan menjadi tumpuan utama pengguna membeli-belah untuk mendapatkan barang keperluan semasa bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. Oleh itu, kehadiran dan keberadaan pegawai penguat kuasa di lokasi ini akan mewujudkan situasi selamat di kalangan pengguna dan golongan peniaga akan lebih berhati-hati bagi mengelak dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa.

- ii. Antara perkara menjadi fokus OPS PANTAU adalah berkaitan bekalan barang, harga barang, jualan murah, alat timbangan, penjualan barang tiruan/cetak rompak, Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), halal dan pematuan SOP Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Perkara-perkara ini lazimnya akan dimanipulasi oleh para peniaga untuk mendapat keuntungan pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri kerana pengguna akan membelanjakan wang dengan kadar yang lebih tinggi berbanding hari-hari biasa.

Apakah pendekatan penguatkuasaan dalam pelaksanaan OPS PANTAU?

KPDNHEP akan menggunakan pendekatan yang lebih strategik dan komprehensif dalam penguatkuasaan OPS PANTAU untuk memastikan objektif berjaya dengan memberi impak yang lebih berkesan dengan:

- i. Membuat pemeriksaan dan pemantauan secara lebih kerap dan bersasar ke atas **bekalan barang** yang menjadi tumpuan rakyat pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri seperti gula, ayam, telur ayam, minyak masak, tepung gandum, beras, barang basah dan barang untuk membuat kuih muih.
- ii. Membuat pemeriksaan dan pemantauan secara lebih kerap dan bersasar ke atas **harga barang** yang menjadi tumpuan rakyat pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri seperti gula, ayam, telur ayam, minyak masak, tepung gandum, beras, barang basah dan barang untuk membuat kuih muih supaya mempunyai tanda harga, barang kawalan mengikut gazet Kerajaan dan lain-lain barang tidak berlaku pencatutan.
- iii. Membuat pemeriksaan dan pemantauan secara lebih fokus dan efektif ke atas premis perniagaan yang mengadakan **jualan murah** supaya peniaga-peniaga mengikut perundangan yang berkuatkuasa.
- iv. Memastikan peniaga tidak menjual melebihi harga yang ditetapkan Kerajaan bagi barang-barang tertentu di bawah **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** Hari Raya Aidilfitri.
- v. Membuat pemeriksaan dan pemantauan secara lebih kerap dan bersasar ke atas premis perniagaan khususnya di Bazar Ramadan dan Bazar Hari Raya Aidilfitri supaya tidak ada **penjualan barang tiruan** secara berleluasa.

Membuat pemeriksaan dan pemantauan secara lebih efektif dan berkala ke atas premis borong dan runcit untuk memastikan pematuan ke atas **SOP Akta 342** : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Apakah mekanisme yang digunapakai dalam penguatkuasaan OPS PANTAU?

KPDNHEP akan menggunakan mekanisme yang lebih dinamik dan tersusun dalam penguatkuasaan OPS PANTAU untuk memastikan pengguna rasa dilindungi dan peniaga pula rasa mereka tidak dibebani dengan :

- i. Meningkatkan keberadaan (*omnipresence*) pegawai-pegawai penguatkuasa di lokasi yang menjadi tumpuan rakyat sebagaimana di para 3 (lokasi sasaran) termasuk penggunaan **Van STAR dan kereta peronda** bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika dan penyampaian maklumat secara *'info-on wheel'*.
- ii. Menguatkuasakan perundangan berdasarkan polisi sediaada dimana **kesalahan berat seperti penjualan barang tiruan/cetak rompak dibuat secara tegas (hard enforcement)**.
- iii. Tindakan proaktif ke atas jenama-jenama yang berdaftar di bawah program **Basket of Brands (BOB)**. Sejak BOB diperkenalkan pada 2011, pemeriksaan barang tiruan tidak lagi dibuat berasaskan kepada semua jenama secara rambang, tetapi berasaskan kepada jenama yang tersenarai di dalam BOB.
- iv. **Menangani pertanyaan dan penyelesaian aduan rakyat dengan lebih cepat dan pantas** sebagaimana hasrat Pengurusan Tertinggi Kementerian.
- v. Mengaktifkan *enforcement command centre* (ECC) diperingkat Ibu Pejabat dan negeri supaya arahan kerja dapat disampaikan secara berpusat dan efektif.

Sehingga kini berapakah jumlah kesalahan yang dikesan di bawah penguatkuasaan OPS PANTAU?

Berdasarkan statistik OPS PANTAU 2022 yang telah dilaksanakan bermula 3 sehingga 6 April 2022, sebanyak 11,904 premis di setiap rantaian telah diperiksa di seluruh Negara dan daripada jumlah pemeriksaan tersebut, sebanyak 47 kertas siasatan telah dibuka dengan nilai kompaun berjumlah RM13,100.00 sebagaimana perincian berikut :

- i. AKHAP 2011 : 24 kertas siasatan
- ii. ATS 1976 : 17 kertas siasatan
- iii. AKB 1961 : 3 kertas siasatan
- iv. APD 2011 : 2 kertas siasatan
- v. APP 1999 : 1 kertas siasatan

Sebanyak 78 aduan telah diterima sepanjang tempoh yang sama dan kesemuanya telah disiasat oleh pegawai penguatkuasa KPDNHEP dengan perincian sebagaimana berikut:

- i. Harga : 61
- ii. Bekalan : 9
- iii. Jualan murah : 6
- iv. Timbangan : 1
- v. Barang tiruan : 1

Apakah nasihat Tuan kepada peniaga dan pengguna di luar sana?

KPDNHEP ingin mengingatkan kepada semua peniaga agar terus **mematuhi segala perundangan** yang telah ditetapkan oleh Kerajaan terutamanya sepanjang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tahun ini bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas oleh pihak penguat kuasa Kementerian.

Pengguna juga dinasihatkan agar **sentiasa berjimat-cermat dan merancang perbelanjaan** bagi mengelakkan daripada dimanipulasi oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab terutamanya di dalam tempoh Negara yang sedang dalam proses pemulihan ekonomi ketika ini selain mengelakkan pembaziran sepanjang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.

